

Jawatankuasa khas siasat pemaju tipu pembeli rumah

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat Skim Penipuan Hartanah di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Halimah Mohamed Sadique (**gambar**) berkata, sebanyak lapan agensi termasuk badan bukan kerajaan menganggotai ahli jawatankuasa khas itu dengan Jabatan Perumahan Negara (JPN) bertindak sebagai pengerusi.



“Mereka termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, polis, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia.

“Jawatankuasa itu bertanggungjawab menyiasat skim-skim tawaran pembinaan perumahan termasuk rumah mampu milik oleh syarikat-syarikat swasta di samping menyelesaikan masalah berbangkit serta mengenal pasti langkah pembetulan berhubung penipuan,” katanya di Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab pertanyaan jawab lisan Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

Tambahnya, JPN telah mengadakan perbincangan bagi mengenal pasti jurang antara Akta 118 di bawah bidang kuasa KPKT dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) berhubung aset tak alih atau hartanah,” katanya.